

"Hidup Mesti Ikhlas dan Berkorban"

# Puan Hajah Foyziah

Ruangan Personaliti KUKUM kali ini memaparkan seorang Ketua Jabatan yang tidak asing lagi di kalangan staf iaitu Puan Hajah Foyziah Ahmad Nasuruddin. Beliau kini bserugas sebagai Ketua Pustakawan KUKUM. Pejabat beliau terletak di Tingkat 2, Bangunan KWSP, Kangar. Beliau yang dilahirkan pada 28 Julai, 1949 di Georgetown, Pulau Pinang ini merupakan anak keempat dari lapan orang adik beradik. Negeri Perlis ini bukanlah asing bagiinya kerana beliau telah mendapat didikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Putra dan seterusnya ke Derma English School. Oleh kerana keluarganya berpindah ke Pulau Pinang, beliau meneruskan pendidikan sekolah menengah di Jelutong Secondary School sehingga mendapat SC/MCE pada 1968. Beliau kemudian ditawarkan ke tingkatan 6 di Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru. Setelah berjaya mendapat HSC, beliau melanjutkan lagi pelajaran ke Universiti Sains Malaysia (USM) dalam bidang Sains Kemasyarakatan.

Puan Foyziah mula bertugas di USM setelah tamat pengajiannya pada tahun 1974 sebagai Pegawai Tadbir (Perpustakaan). Pada 1976 beliau ditawarkan untuk mengikuti kursus profesional dalam bidang Sains Kepustakawan di University of North London. Sekembalinya dari United Kingdom, beliau dilantik sebagai Penolong Pustakawan mengetuai Bahagian Koleksi Bahasa Malaysia. Minat beliau dalam bidang Sains Kepustakawan begitu mendalam, di samping prestasi yang cemerlang telah menyerlahkan lagi karier beliau yang seterusnya dinaikkan pangkat beberapa kali. Kemuncaknya ialah apabila beliau diberi kepercayaan oleh Rektor KUKUM untuk meneraju Perpustakaan KUKUM pada 1 April 2002. Peluang ini disambut dengan penuh tanggungjawab. Berbekalkan pengalaman selama 28 tahun, beliau bersama-sama beberapa orang lain sokongan telah dapat menyediakan perkhidmatan perpustakaan dalam masa beberapa bulan sahaja.

Kini Perpustakaan KUKUM dilengkapi dengan kemudahan Internet, OPAC dan juga bahan-bahan rujukan baik dalam format buku dan bukan buku. Walaupun baru berusia setahun jagung, Perpustakaan KUKUM telahpun mempunyai sebuah pengkalan data elektronik yang sangat berguna dalam bidang kejuruteraan iaitu IEEE Xplore. Pengkalan data ini mampu memuatkan lebih 700,000 "full-text documents". Perpustakaan sentiasa menganjurkan latihan/bengkel kepada pengguna untuk memanfaatkan kegunaan pengkalan data ini.

Bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan perpustakaan, Puan Hajah Foyziah memaklumkan bahawa pihak perpustakaan kini dalam proses mendapatkan sistem perpustakaan bersepadan bagi menggantikan sistem yang ada sekarang yang mana tidak lagi mampu menampung kehendak perpustakaan yang kini berkembang dengan pesat sekali. Di jabatan ini, beliau dikenali sebagai seorang ketua yang mesra tetapi tegas dan penuh disiplin. Dari segi perhubungan dengan staf, beliau mengamalkan pendekatan yang berbeza tetapi praktikal iaitu hubungan antara ibu dan anak. Pada beliau, cara ini lebih berkesan dan efektif jika dilihat dari sudut memberi nasihat, teguran dan kritikan dalam melaksanakan tugas. Sebagai ketua, beliau amat mementingkan penggunaan masa, ketelitian dan kesempurnaan kerja. Beliau juga menekankan aspek mengutamakan pelanggan, sentiasa belajar dari kesilapan, peka dengan perkembangan semasa dan bekerja secara profesional. Setiap masalah sama ada dari kalangan staf maupun pelanggan mestilah diselesaikan segera untuk manfaat bersama.

Menurut Hajah, suasana di perpustakaan kini telah jauh berubah berbanding beberapa tahun lalu di mana kebanyakan proses kerja terpaksa dibuat secara manual. Cara ini lebih rumit serta memakan masa dan tenaga. Kini

dengan bantuan teknologi, proses mengkatalog buku dapat dilakukan dalam masa beberapa minit sahaja. Sebagai seorang Ketua Pustakawan yang begitu komited terhadap tugas dan berfalsafahkan "Hidup Mesti Ikhlas dan Berkorban", Hajah Foyziah telah menanamkan satu impian untuk menjadikan Perpustakaan KUKUM sebagai satu perpustakaan kejuruteraan digital yang terbaik dan ulung di rantau ini. Beliau telahpun mempunyai misi untuk mencapai tahap piawaian ISO 9001 yang mana ia melibatkan komitmen tinggi dari semua pihak. Jadi, kepada sesiapa yang masih belum berkunjung ke Perpustakaan KUKUM, silalah berbuat demikian untuk melihat sendiri suasana sebenar yang juga merupakan antara salah satu tempat kunjungan menarik yang terdapat di KUKUM !

